

Kajian Permasalahan Tingkah Laku Seksual dalam Kalangan Belia Malaysia

Norramazonizni, Y & Hanina, H.H

Department of Social Science and Development, Faculty of Human Ecology, Universiti Putra Malaysia, 43400, Serdang, Selangor
izniyaakob@yahoo.com, hanina@upm.edu.my

Pendahuluan

Salah laku seksual dalam kalangan remaja adalah antara gejala kemerosotan akhlak yang membimbangkan. Kadar aktiviti seksual dalam kalangan remaja yang berumur 13 hingga 17 tahun di Malaysia sepanjang dua dekad lalu meningkat dari 0.9 peratus pada tahun 1994 kepada 8.3 peratus pada 2012. Statistik ini diperolehi daripada kaji selidik Global Kesihatan Pelajar Sekolah (GSHS) serta Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) berkaitan kelakuan sumbang yang dilakukan oleh remaja sebelum nikah bermula 1994 hingga 2012. Pergaulan sosial yang bebas dan hubungan seks tanpa nikah ini yang dahulunya menjadi 'pantang larang' mengikut nilai tradisi dan pegangan adat Melayu yang utuh, kini telah hilang dek ditelan arus modenisasi dan kecanggihan teknologi (Roslee, Mohamed, Sulaiman, Ahmad Jazimin & Mohammad Aziz, 2008).

Berpandukan model Al Ghazali yang disarankan oleh Tunku Sarah (1997) dan Yatimah (2005) dijadikan garis panduan perbincangan Roslee et. al., (2008) meneliti punca-punca, kesan dan langkah menangani tingkah laku seksual dalam kalangan remaja Melayu beragama Islam mengikut Pendekatan Kaunseling Islam. Punca-punca yang dikenalpasti ialah diri sendiri, rakan sebaya, teman lelaki/wanita, ibubapa sibuk bekerja, kurang didikan agama, Ustaz/Golongan agama suka mengkritik/tidak membantu, Media Massa, Rancangan TV yang tidak positif, telefon bimbit mudah muat turun gambar lucah, internet mudah akses gambar lucah dan persekitaran yang mudah mendapat VCD lucah di pasaran. Roslee Ahmad et. al (2008) merumuskan bahawa hati adalah punca segala perbuatan dan sifat-sifat manusia yang tercela. Memiliki hati yang kotor, rosak dan mati menjuruskan manusia melakukan perbuatan maksiat dan zina. Perintah Tuhan diabaikan sebaliknya mereka cenderung mengikut kata hati atas pujukan dan tipu daya syaitan. Justeru, pendekatan melalui kaedah Kaunseling Islam dicadangkan bagi mengatasi masalah salahlaku seksual dalam kalangan belia Islam.

Metodologi Penyelidikan

Rekabentuk Kajian

Kajian ini berbentuk kuantitatif menggunakan kaedah survei dengan menggunakan borang kaji selidik. Kajian ini juga menggunakan bentuk kualitatif iaitu dengan menggunakan kaedah temubual bagi menyokong data kuantitatif. Tempoh pelaksanaan kajian adalah selama tiga bulan bermula pada bulan September 2015 dan berakhir pada November 2015. Jangka masa tersebut melibatkan proses daripada penentuan pembentukan instrumen, pengumpulan data, analisis dan penulisan laporan. Kajian menggunakan pendekatan *replication study* daripada Kajian Gejala Sosial yang dilaksanakan IYRES pada tahun 2010 dengan sedikit pengubahsuaian instrumen.

Populasi dan Sampel Kajian

Populasi kajian adalah belia Malaysia pada tahun 2015 iaitu mereka yang berumur antara 15 hingga 30 tahun di Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Pengagihan persampelan mengikut nisbah etnik (Melayu: Cina: India atau 4:3:3), jantina (Lelaki:Perempuan atau 5:5) dan kategori umur belia di Malaysia (belia di alam pengajian (15-24 tahun) dan belia di alam pekerjaan (24-30 tahun). Responden diagih mengikut zon. Kajian melibatkan lima zon iaitu: Utara (Kedah dan Perak Utara), Timur (Terengganu dan Kelantan), Tengah (Selangor dan Kuala Lumpur), Selatan (Johor, Negeri Sembilan dan Melaka) dan Sabah/Sarawak (Sabah dan Sarawak). Jumlah data yang diperolehi adalah sebanyak 2799 dan hanya 2767 yang layak dianalisis. Selebihnya tidak lengkap dan umur tidak menepati kehendak kajian.

Instrumen Kajian

Kajian menggunakan pendekatan *replication study* daripada Kajian Gejala Sosial yang dilaksanakan IYRES pada tahun 2010 dengan sedikit pengubahsuaian instrumen.

Prosedur Pengumpulan Data

Data Survei

Data dikumpul oleh enumerator terlatih yang berpengalaman mengendalikan survei mewakili kelima-lima zon yang dikaji. Kajian turut mendapat bantuan daripada *IYRES Community Enumerator* (ICE) yang telah diberi latihan untuk mengutip data di lapangan. Setiap zon diketuai seorang ketua lapangan yang memastikan pengumpulan data memenuhi keperluan kajian dan

pengawasan integriti data. Responden didekati enumerator dengan mendapatkan persetujuan secara verbal bagi menjawab borang soal selidik. Seterusnya, temubual secara bersemuka antara enumerator dan responden berlangsung secara purata 15-20 minit bagi menjawab kesemua soalan dalam borang soal selidik.

Data temubual

Data temubual dikumpul oleh enumerator terlatih yang berpengalaman mengendalikan temubual bagi menyokong pengumpulan data kuantitatif. Pengumpulan data temubual mewakili kelima-lima zon yang dikaji. Antara lokasi pengumpulan data temubual adalah di Raudatusakinah Kuala Lumpur, Raudatusakinah Johor Bahru, Asrama Akhlak Rusila, Asrama Akhlak Bukit Baru, Asrama Akhlak Paya Terubung, dan Asrama Akhlak (P) Terubung, Penjara Machang, Penjara Pokok Sena (P), dan Penjara Pokok Sena (L). Data temubual dikumpul dengan menggunakan kaedah Perbincangan Kumpulan Berfokus (*Focus Group Discussion*).

Dapatan Kajian dan Perbincangan

Faktor-Faktor Permasalahan Seksual Belia

Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan remaja boleh terjebak dalam masalah seksual ini. Berdasarkan data temubual Perbincangan Kumpulan Berfokus (*Focus Group Discussion*) di Raudatusakinah Kuala Lumpur, Raudatusakinah Johor Bahru, Asrama Akhlak Rusila, Asrama Akhlak Bukit Baru, Asrama Akhlak Paya Terubung, dan Asrama Akhlak (P) Terubung, Penjara Machang, Penjara Pokok Sena (P), dan Penjara Pokok Sena (L), faktor yang pertama adalah pengaruh rakan merupakan faktor informan-informan boleh terjebak dalam masalah seksual. Ini terjadi apabila dilihat daripada situasi hari ini percintaan itu dianggap perkara yang wajib dalam kehidupan remaja. Faktor kedua yang diproleh dari temubual berikut adalah keinginan kepada seks dan perasaan ingin mencuba. Ini terjadi apabila mereka tidak dibekalkan dengan pengetahuan yang sewajarnya mengenai pendidikan seksual. Perasaan ingin tahu menyebabkan mereka mencari ilmu di tempat atau dari sumber yang tidak betul.

Faktor seterusnya adalah media massa. Hari ini media massa sudah tidak ada tapisan dari segi maklumat yang diberikan. Informan menyatakan filem atau drama yang disiarkan di televisyen tidak memberi sebarang pengajaran malah memberi impak negatif kerana terlalu terbuka. Apa

yang dipentingkan hanyalah dari segi keuntungan tanpa memikirkan apa kesan negatif yang akan diperolehi oleh anak bangsa kita suatu hari nanti. Perkembangan teknologi seperti kecanggihan Internet yang menyebabkan mereka mudah mengakses laman web berkaitan pornografi. Di samping itu, kecanggihan bidang perubatan juga seperti penggunaan kondom, pengguguran, pil-pil khayal dan lain-lain juga merupakan faktor yang menyebabkan remaja boleh terjebak dalam permasalahan seksual ini. Berikutnya adalah faktor keluarga. Kebanyakan informan mempunyai latar belakang hubungan yang kurang baik dengan ibu bapa mereka. Kebanyakan ibu bapa telah bercerai dan tidak memantau tingkah laku anak-anak.

Salahlaku Seksual

Salahlaku seksual ini merupakan masalah yang sangat serius perlu dibendung kerana ianya bukan sahaja berlaku di pusat bandar, namun telah menular ke luar bandar kerana dunia siber hari ini yang tiada batasannya memudahkan belia terjermus dalam masalah ini. Lebih daripada separuh (57.5%) responden menyatakan membaca/melihat/menyimpan bahan lucah yang menjadi punca utama gejala salahlaku seksual ini berlaku.

Selain itu, sebanyak 53.5% responden menyatakan bercumbuan dengan pasangan yang tiada hubungan perkahwinan menjadi penyebab berlakunya salahlaku ini. Namun, hampir separuh (49.7%) responden dan 52.8% rakan responden mengatakan melakukan hubungan seks luar nikah mendorong terjadinya salahlaku seksual ini semakin serius. Penglibatan dalam aktiviti LGBT (sama ada hubungan sesama jantina, ingin atau telah menukar jantina) merupakan salah satu punca terjadinya salahlaku seksual dalam kalangan belia pada masa kini.

Menyimpan bahan lucah

Menyimpan bahan-bahan lucah sama ada di dalam telefon bimbit mahu pun majalah bergambar adalah tidak wajar terutamanya dalam kalangan belia. Perasaan ingin tahu menjadi punca utama belia menyimpan/membaca/melihat bahan lucah iaitu sebanyak 37.6% responden bersetuju dengannya. Selain itu, bahan lucah atau porno mudah didapati dan diperolehi sama ada dari pasaran gelap mahu pun muat turun dari internet (32.9%). Kemudahan teknologi seperti internet yang digunakan secara meluas dan tidak dikawal memudahkan belia memperolehi maklumat yang mereka inginkan ibarat dunia di hujung jari. Tambahan pula, ada dalam kalangan belia

menganggap menyimpan bahan lucah merupakan hobi mengisi masa lapang. Seramai 1701 responden yang telah memberikan respon mengenainya. Kajian ini menunjukkan sebanyak 24.4% responden bersetuju dengan menganggap hobi menyimpan bahan lucah ini adalah untuk mengisi masa lapang mereka. Hobi belia yang tidak bermoral ini mendorong aktiviti tidak sihat berlaku. Sebanyak 23.3% menyatakan mengalami ketagihan dalam membaca/melihat/menyimpan bahan lucah dan 15.9% menyatakan ibu bapa tidak pernah menegur apabila mereka melakukannya. Ketagihan melihat/membaca bahan lucah ini ibarat seperti ketagihan menghisap rokok/candu mahu pun dadah. Namun, gejala ini lebih memberi impak yang besar kepada salahlaku seksual yang lebih ekstrem.

Aktiviti bercumbuan dengan pasangan

Bercumbuan dengan pasangan yang bukan suami isteri juga merupakan faktor yang menyumbang kepada salahlaku seksual dalam kalangan belia. Sebanyak 55.9% yang memberi respon mengenai perbuatan ini bersama pasangan mereka adalah disebabkan oleh tanggapan mereka yang menganggap ianya perkara biasa bagi pasangan yang bercinta. Adalah menjadi perkara biasa belia pada masa kini dengan perbuatan bercumbuan bersama pasangan. Hal ini sangat membimbangkan kerana punca seperti ini membantu mendorong berlakunya salahlaku seksual yang sukar dikawal. Di samping itu, analisis menunjukkan satu per tiga (30.4%) responden bersetuju menyatakan perbuatan bercumbuan dengan pasangan ini adalah untuk mencari keseronokan. Sememangnya naluri belia/remaja mempunyai rasa seronok dengan kehidupan mereka tanpa memikirkan natijahnya kepada diri sendiri, keluarga, agama dan bangsa sehingga alpa tentang keruntuhan akhlak belia berpunca daripada rasa seronok yang tidak dapat dibendung.

Rentetan daripada perasaan seronok, sebanyak 29.7% mengaku ianya dilakukan kerana peluang yang ada untuk melakukannya. Kebanyakan pasangan bercinta dalam kalangan belia ini sanggup mencari 'port' yang gelap semasa berjumpa dengan pasangan sekaligus mencipta peluang untuk merasai keseronokan bercumbuan. Selain daripada peluang dari segi ruang, remaja juga melakukan kerana peluang tindakbalas yang positif daripada pasangan yang merelakannya.

Sebanyak 16.1% responden menyatakan bahawa perbuatan bercumbu ini berlaku disebabkan oleh keinginan untuk berkahwin namun terdapat halangan sama ada halangan keluarga, kewangan dan

sebagainya. Selain itu, pengaruh bahan lucah juga mendorong berlakunya perbuatan bercumbu bersama pasangan.

Hubungan seks luar nikah

Keseronokan, perasaan ingin tahu dan ada peluang melakukannya menjadi punca terjadinya perbuatan sumbang dalam masyarakat dan belia hari ini. Antara punca adalah disebabkan oleh perasaan seronok (28.3%), mempunyai peluang untuk melakukannya (26.7%), perkara biasa bagi pasangan bercinta (26.3%), pengaruh bahan lucah (25.6%) dan ada kemahuan berkahwin namun mendapat halangan (24.9%). Belia yang matang akan sentiasa menjaga maruah sebagai remaja yang berakhlak dan sentiasa berpegang pada agamanya. Rasa seronok dan ada peluang melakukan seks tanpa nikah ini kerana tiada kawalan daripada ibu bapa tentang aktiviti anak-anak.

Aktiviti LGBT

Kajian ini menunjukkan aktiviti LGBT ini biasanya terjadi berpunca daripada naluri diri (27.4%), ada perasaan ingin disayangi (19.6%), ada sokongan daripada rakan yang sama (16.8%), ibu bapa gagal dalam perkahwinan (13.3%) dan pernah menjadi mangsa serangan seksual (12.6%) (Jadual 13). Kemahuan dan naluri diri yang tinggi dalam kalangan belia mendorong mereka terlibat dengan aktiviti ini. Perasaan ingin disayangi menyebabkan belia terjebak dengan hubungan ini kerana mendapat sokongan daripada rakan-rakan yang sama jantina. Contohnya, golongan pengkid dan lesbian, mereka ini mungkin pernah mengalami kekecewaan dalam percintaan dan takut untuk menghampiri golongan lelaki yang banyak mengecewakan mereka.

Kesimpulan dan Cadangan

Kajian ini adalah bertujuan untuk mengenalpasti punca-punca kepada permasalahan seksual yang sedang dihadapi oleh golongan belia di negara ini. Kajian secara *cross-sectional* yang melibatkan responden dari empat zon utama (Utara, Timur, Tengah dan Selatan) di Semenanjung serta Sabah dan Sarawak. Data kajian diperolehi melalui kaedah temubual dalam Perbincangan Kumpulan Berfokus (*Focus Group Discussion*) dan survei. Berdasarkan kepada jumlah responden seramai 2767 orang, kajian telah dapat mengenalpasti beberapa punca kepada permasalahan sosial yang sering dihadapi oleh golongan belia.

Berdasarkan kepada dapatan kajian, beberapa rumusan telah dibuat. Dalam salah laku seksual, kajian merumuskan bahawa peratusan belia yang terlibat masih lagi terkawal. Walaubagaimanapun, tumpuan harus dibeikan kepada punca-punca yang mendorong belia daripada melibatkan diri dengan masalah tersebut. Misalnya, untuk berseronok dan memang menjadi kebiasaan orang bercinta adalah alasan yang tidak boleh diterima. Lazimnya sesuatu perkara yang tidak elok dilakukan memang seronok tetapi kalau sudah terlanjur akan menyesal seumur hidup. Didikan seks perlu dipertingkatkan di samping program-program kerohanian yang dianjurkan perlu memberi penekanan terhadap ketahanan mental golongan belia dalam menepisi gejala ini.

Cadangan

Berdasarkan kepada dapatan dan rumusan kajian, beberapa langkah intervensi dicadangkan. Pendekatan yang digunakan dalam mengemukakan cadangan adalah pendekatan *SCORE* model (**S**ymptom, **C**ause, **O**utcome, **R**esponse and **E**ffect). Pendekatan ini biasa digunakan dalam memberi cadangan penyelesaian kepada masalah yang dihadapi oleh sesebuah organisasi. Berdasarkan kepada pendekatan ini simptom atau gejala dikenalpasti terlebih dahulu. Kemudian, setiap simptom akan dianalisis untuk mengetahui apakah punca atau penyebab kepada simptom tersebut. Dari segi *outcome* pula, analisis ditumpukan kepada apa yang akan berlaku sekiranya gejala serta puncanya tidak dihapuskan. Dalam konteks ini, kesan dari sudut ekonomi, politik serta sosial diberikan secara umum. *Response* adalah langkah-langkah pembetulan atau penambahbaikan yang boleh dilaksanakan untuk membendung kalau tidak menghapuskan masalah sama sekali. Akhir sekali, *effect* menunjukkan keberhasilan daripada tindakan pembetulan atau penambahbaikan yang telah dilaksanakan.

Meningkatkan kekuatan dalaman belia

Kajian mencadangkan program yang bakal dianjurkan perlu menekankan aspek ilmu tasit di mana yang dapat menguatkan pertahanan dalaman belia. Sebagai contoh, latihan atau simulasi yang dapat menguatkan lokus kawalan dalaman (*internal locus of control*) di mana setiap belia tersebut tahu dan sedar akan kesan dan akibat daripada keputusan yang dibuat serta mengambil tanggungjawab penuh di atas keputusan tersebut. Belia yang mempunyai lokus kawalan dalaman yang tinggi tidak akan menyalahkan orang lain sekiranya sesuatu yang buruk berlaku hasil

daripada keputusan yang telah dibuat. Secara tidak langsung ia akan menguatkan jati diri belia itu sendiri. Antara kaedah latihan yang boleh digunakan ialah secara *experiential learning* iaitu satu kaedah pembelajaran di mana peserta mengambil bahagian atau peranan serta melalui sendiri proses tersebut di mana pada akhirnya mereka akan dapat tahu kesan dan akibat daripada pengalaman yang mereka sendiri melaluinya.

Penglibatan dalam program/ aktiviti luar

Untuk mengurangkan atau membasmi masalah sosial dalam kalangan belia, beberapa program yang berbentuk fizikal yang merupakan aktiviti luar perlu diperbanyakkan. Kempen satu pelajar, satu sukan oleh Kementerian Pendidikan adalah satu inisiatif yang baik. Walaupun pada permulaannya, pelajar tidak suka kerana dipaksa, lama-kelamaan ada di antara mereka yang boleh menjadikan sukan sebagai satu pilihan kerjaya. Budaya hidup sihat juga secara tidak langsung dapat mengurangkan kos menjaga kesihatan dan pada masa yang sama dapat meningkatkan produktiviti golongan belia Malaysia. Kajian mencadangkan agar satu hari dalam seminggu diisytiharkan sebagai hari sukan nasional seperti mana yang diamalkan oleh negara jiran, Thailand. Selain daripada aktiviti luaran berbentuk sukan, kajian mencadangkan agar lebih banyak aktiviti kemasyarakatan dibuat dengan melibatkan belia pelbagai kaum. Program berasaskan masyarakat akan dapat meningkatkan semangat kesukarelawanan dalam kalangan belia di samping dapat mengukuhkan semangat muhibbah yang dapat meningkatkan perpaduan serta merapatkan jurang dalam masyarakat.

Akhir sekali, kajian mencadangkan supaya penguatkuasaan undang-undang diberi perhatian sewajarnya. Ini adalah kerana pemantauan serta penguatkuasaan yang tidak dibuat secara berkala dan berterusan akan memberi lebih ruang dan peluang kepada belia untuk terjebak melakukan perkara-perkaran yang negatif. Tindakan salah laku seksual belia boleh dibendung melalui penguatkuasaan undang-undang namun ianya perlu dibuat dalam konteks mendidik dan bukan untuk menghukum. Belia adalah aset kepada negara dan penentu kepada pencapaian visi dan misi negara.

Rujukan

- Ab. Halim Tamuri & Zarin Ismail (2004). Pengaruh Media Massa Terhadap Pegangan Nilai Akhlak Remaja: Kajian Ke Atas Fakir Miskin Di Kawasan Luar Bandar. Conference paper. [Http://Repo.Uum.Edu.My/Id/Eprint/1821](http://Repo.Uum.Edu.My/Id/Eprint/1821)
- Asmah Suboh, Nurulhuda Azizi & Mascilla binti Hamzah (2011). Masalah Salah Laku Agresif Di Kalangan Pelajar Sekolah Rendah Dan Hubungannya Dengan Gaya Keibubapaan. *Journal of Education Psychology & Counseling*, volume 1 Mac 2011, Pages 77-93 / ISSN: 2231-735X JJ
- Azizi Yahya dan Rosnah Buang (nd). Punca Berlakunya Masalah Gejala Gengsterisme Di kalangan Remaja Di beberapa Buah Sekolah Menengah Di empat Buah Negeri. not specified . pp. 1-12. (Unpublished). <http://eprints.utm.my/1483/1/FAKTOR-jurnal1.pdf>
- Chin Pek Lian, Low Li Chueen and Vivian Low Yen Yeong (2005). Isu-Isu Masalah Disiplin Pelajar : Pendekatan Dan Penyelesaian. Kertas Kerja seminar. <http://www.fp.utm.my/ePusatSumber/listseminar/5.IsuPendidikan05/Kertaspenuh/Kertas%2018.pdf>
- Chuang, Y., Ennett, S. T., Bauman, K. E., & Foshee, V. A. (2005). Neighborhood influences on adolescent cigarette and alcohol use: Mediating effects through parent and peer behaviors. *Journal of Health and Sosial Behavior*, 46, 187-204.
- Cubbin, C., Santelli, J., Brindis, C. D., & Braveman, P. (2005). Neighborhood context and sexual behaviors among adolescents: Findings from the National Longitudinal Study of Adolescent Health. *Perspectives on Sexual and Reproductive Health*, 37, 125-134.
- Eamon, M. K. (2001). Poverty, parenting, peer and neighborhood influences on young adolescent antisocial behavior. *Journal of Sosial Service Research*, 28, 1-23.
- Gan Swee Eng. 2013. Faktor-faktor mempengaruhi tingkahlaku vandalisme di kalangan pelajar sekolah menengah di zon Labis, Johor. Universiti Teknologi Malaysia: Johor.
- Hanin Falina Mohd Hashim & Siti Nor Lailiyah Ibrahim (2014). Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Masalah Disiplin Pelajar Di Kolej Komuniti Hulu Langat. *Kolokium Penyelidikan & Inovasi, Wilayah Selangor*.
- Hanina H. Hamsan & Mastura Mohamad (2010). *Belia Berisiko: Profil, Faktor Penyebab dan Intervensi*. Putrajaya: IPPBM.
- Harlina Harliza Siraj, Hanina H. Hamsan, Khaidzir Ismail & Mohd. Zaki Ibrahim (2012). Risk and protective factors affecting adolescent reproductive and sexual health in Peninsular Malaysia. Unpublished research report. LPPKN: Kuala Lumpur
- Hirschi, T. (1977). Causes and prevention of juvenile delinquency. *Sociological Inquiry*, 47, 322-341.

- Kementerian Kesihatan Malaysia. 2013. Garis panduan pengendalian penyalahgunaan Amphetamine Type Stimulant (ATS) dan Psikostimulant lain di peringkat primer dan komuniti. Putrajaya.
- Kementerian Kesihatan Malaysia. 2015. Ringkasan kandungan cecair rokok elektronik dan vape.
- McLoyd, V. C. (1998). Socioeconomic disadvantage and child development. *American Psychologist*, 53, 185–204.
- Mohd Dahlan A. Malek & Ida Shafinaz Mohamed Kamil (2010). Jenayah Dan Masalah Sosial Di Kalangan Remaja: Cabaran Dan Realiti Dunia Siber.eprints.ums*
- Mohd Mursyid Arshad, Ismi Arif Ismail, Turiman Suandi & Steven Eric Krauss (2010). Penglibatan Belia dalam Fenomena Mat Rempit: Implikasi Terhadap Praktis Pembangunan Belia Malaysia Malaysian Journal Of Youth Studies, Volume 3 : 2010. Pg193-224*
- Nor syamaliah ngah dan bahiyah ishak(2013). Jenayah siberdi Malaysia.Buletin Akademik, UiTM (Terengganu).
- Peterson, C.H., Buser, T.J., Westburg, N.G. (2010). Effects of Familial Attachment, Sosial Support, Involvement, and Self-Esteem on Youth Substance Use and Sexual Risk Taking. *The Family Journal*, 18:369.
- Roslee Ahmad, Mohamed Sharif Mustaffa, Sulaiman Shakib Mohd Noor, Ahmad Jazimin Jusoh & Mohammad Aziz Shah Mohamed Arip, (2008). Punca, Kesan Dan Langkah Untuk Menangani Tingkah Laku Seksual Pelajar Mengikut Pendekatan Kaunseling Islam. Kertas kerja. Konvensyen Pendidikan Nasional 2008.(UPSI), pada 2-4 Jun 2008.
- Swahn, M. H. & Bossarte, R. M. (2009). Assessing and Quantifying High Risk: Comparing Risky Behaviors by Youth in an Urban, Disadvantaged Community with Nationally Representative Youth. *Public Health Rep.*, 124 (2).
- Tolan, P. H., & Henry, D. (1996). Patterns of psychopathology among urban-poor children: Comorbidity and aggression effects. *Journal of Consulting and Clinical Psychology*, 64, 1094–1099.
- Utusan Malaysia. 14 Ogos 2015.
- Zainudin Sharif dan Norazmah Mohamad Roslan (2011). *Journal of Education Psychology & Counseling*, volume 1 Mac 2011, Pages 115-140 / ISSN: 2231-735X.
- Zamzuri Abdul Majid, (2003), *Tingka hlaku Delinkuen Di Kalangan Mahasiswa Universiti*. Unpublished Thesis.